

**UCAPAN Y. BHG. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,
REKTOR KUKUM SEMPERA MAJLIS MENANDATANGANI SURAT AKU
JANJI STAF KUKUM**

Tarikh : 24 JANUARI 2007 (RABU)
Tempat : Dewan Kapitol KUKUM, Kangar
Masa : 8.00 pagi – 11.00 pagi

Y. Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik dan Antarabangsa),

Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Haji Abdul Hamid Pendaftar,

Tuan Haji Ayob Ismail, Bendahari,

Puan Hjh Foyziah Ahmad Nasuruddin, Ketua Pustakawan,

Ketua-ketua Jabatan, Dekan-dekan, Pengarah

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dipertemukan kita dalam Majlis Menandatangani Surat Aku Janji bagi staf Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia anjuran Jabatan Pendaftar. Saya difahamkan seramai 330 orang akan menandatangani Surat Aku Janji pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai serta semua staf sokongan atas pelantikan tuan-tuan dan puan-puan ke jawatan tetap dan kontrak di KUKUM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kandungan Surat Aku Janji adalah sama dengan maksud di dalam peruntukan 3(1) Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Surat

Aku Janji adalah dokumen komitmen dan kesediaan setiap staf untuk mematuhi dasar-dasar KUKUM serta bekerja bersungguh-sungguh dengan penuh tanggungjawab ke arah mendukung hasrat Universiti dan kerajaan.

Setiap pegawai awam diwajibkan menandatangani Surat Aku Janji dengan tujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, amanah, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan perkhidmatan awam yang cekap lagi berwibawa supaya Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni.

Berdasarkan kepada Surat Aku Janji yang tuan/ puan ikrarkan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu :-

Pertama: Akan sentiasa taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, Negara dan Kerajaan;

Tugas yang dilaksanakan oleh seseorang pegawai adalah demi kepentingan awam (in the public interest), oleh itu sebagai pegawai awam kita hendaklah memberikan kesetiaan dan memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada Kerajaan yang memerintah (the government of the day) serta dasarnya tanpa mengira parti yang berkuasa. Semua pegawai awam hendaklah sentiasa menjaga, memelihara, mempertahankan kedaulatan dan maruah negara, hormat serta patuh kepada undang-undang dan sentiasa berbakti kepada negara.

Kedua: Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;

lanya merupakan nilai murni sejagat, nilai-nilai ini amat berkesan untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan awam jika

diamalkan dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas. Aku Janji ini diharap dapat mendorong pegawai awam menjalankan tugas dengan cekap, jujur, bertanggungjawab dan patuh kepada semua peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Pegawai yang gagal mematuhi peraturan dan enggan mengamalkannya atau bersifat negatif terhadap nilai murni tersebut dengan sendirinya telah memperlihatkan sikap yang tidak bertanggungjawab.

Dalam melaksanakan tugas, kita hendaklah menggunakan seluruh potensi, keupayaan dan kepakaran untuk menjayakan sesuatu tugas dengan cemerlang dan tidak mengambil jalan mudah yang menyalahi undang-undang.

Ketiga: Tidak membelakangkan tugas dan kewajipan kepada KUKUM demi kepentingan peribadi;

Keempat: Tidak akan menggunakan kedudukan sebagai pegawai awam bagi faedah diri sendiri ;

Kelima: Tidak akan berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh memburuk dan mencemarkan nama baik KUKUM ;

Keenam: Tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan diri sendiri atau pegawai lain berhubung dengan atau terhadap KUKUM ;

Ketujuh: Tidak ingkar perintah atau berkelakuan dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah ; dan

Kelapan: Tidak cuai dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Sekiranya seseorang staf itu disabitkan sebagai melanggar Aku Janji berkenaan, beliau boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) .

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Sebagai seorang pegawai awam, kita perlu peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita dan sentiasa memahami segala undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa serta berupaya menjadi penyumbang kepada negara. Bagi memastikan mutu perkhidmatan yang cemerlang, nilai-nilai utama dalam Perkhidmatan Awam perlulah diterapkan dan dipraktiskan dalam diri masing-masing bagi melahirkan mutu kerja yang cemerlang. Antaranya :-

1. Taat setia iaitu patuh dan menurut arahan atau tidak berkelakuan yang menunjukkan keingkaran atau berpaling tadah serta rela berkhidmat dengan sepenuh hati.
2. Amanah, bersih, jujur dan bertanggungjawab iaitu memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan-peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.
3. Adil dan saksama iaitu membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani tanpa pilih kasih dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak;
4. Prestasi yang cemerlang dan berkualiti iaitu sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai kerja;

5. Dedikasi iaitu rela mengorbankan masa dan tenaga secara berterusan dalam menghasilkan kerja yang berkualiti;
6. Bersikap positif, responsif, berdaya cipta dan "enterprising"

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, Saya berharap dengan sempurnanya majlis Menandatangani Surat Aku Janji pada hari ini, kita dapat memperkukuhkan lagi komitmen dan semangat kita untuk bersama-sama menggembelng tenaga dan upaya bagi mencapai wawasan KUKUM. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana terpilih menjadi warga KUKUM dan kotakanlah segala apa yang telah kita ikrarkan. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh